

21 AUG 1996
Mahathir-TNB
KERAJAAN TETAP DENGAN PENDIRIAN TNB BAYAR PAMPASAN

SHAH ALAM, 21 Ogos (Bernama) -- Kerajaan tetap dengan pendiriannya bahawa Tenaga Nasional Berhad harus membayar pampasan kepada pengguna yang mengalami kerugian akibat bekalan elektrik terputus di seluruh Semenanjung 3 Ogos lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Tenaga hanya perlu membayar pampasan "secara berpatutan dan bukan sepenuhnya".

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Asia Pasifik Kedua mengenai Fisiologi Tumbuhan di sini, beliau berkata pengguna pula harus membuat tuntutan yang munasabah dan berpatutan.

Dr Mahathir berkata pengguna tidak harus menuntut terhadap perkara-perkara remeh seperti tidak dapat menghadiri majlis makan malam dan sebagainya.

Beliau berkata Tenaga Nasional boleh membayar pampasan kerana syarikat gergasi itu telah mencatatkan keuntungan sehingga RM2,000 juta sejak tiga tahun lepas.

"Kita tidak boleh mendapat keuntungan daripada kerugian orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Tan Sri Dr Ani Arope semalam bahawa Tenaga Nasional mungkin bankrap jika soal kewangan tidak diberi perhatian dan tindakan tidak diambil untuk mempertahankan imej syarikat itu daripada kecaman yang melampau berikutan kejadian pada 3 Ogos lepas.

Ani berkata jika Tenaga Nasional mengalami kerugian, ia akan menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Pada 9 Ogos lepas di Kuching Dr Mahathir telah berkata Tenaga Nasional wajar membayar pampasan kepada pengguna yang mengalami kerugian.

Beberapa hari sebelum itu, Ani berkata pengguna boleh menuntut pampasan daripada Tenaga Nasional untuk mendapatkan ganti rugi tetapi terserah kepada mahkamah untuk membuat keputusan mengenai tuntutan yang dikemukakan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie pula berkata kerajaan mungkin mengarahkan Tenaga Nasional memberi rebat sebagai pampasan kepada pengguna yang mengalami kerugian.

Bagaimanapun, Dr Mahathir hari ini berkata kerajaan ingin tahu bagaimana syarikat elektrik Amerika Syarikat membayar pampasan kepada penggunanya berikutan kejadian bekalan elektrik terputus di beberapa kawasan di pantai barat negara itu baru-baru ini.

"Kita ingin tahu bagaimana mereka membuat pampasan atau sama ada mereka langsung tidak memberi pampasan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau difahamkan bahawa terdapat satu had kadar tertinggi untuk dibayar sebagai pampasan bagi kejadian seumpama itu di Amerika Syarikat.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Ani bahawa terdapat bekalan elektrik yang terbuang begitu sahaja memandangkan bekalan elektrik sekarang melebihi permintaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan kenyataan itu.

"Seperti yang saya kata semalam, bila kita ada satu produk, kita menjualnya. Kita tidak boleh berkata bahawa jumlah produk terlalu banyak, lalu kita merungut...Sepatutnya kita keluar dan menjualnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebenarnya penggunaan elektrik di negara ini masih pada tahap yang rendah.

"Kalau kita kaji daripada segi penggunaan elektrik per kapita, penggunaan elektrik di negara ini masih jauh lebih rendah berbanding dengan

di negara-negara lain.

Mengenai kenyataan Ani bahawa pemberian lesen kepada Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) sepatutnya dirancang lebih teliti, Dr Mahathir berkata ia tidak benar.

"Kita lihat dalam bidang-bidang lain, tidak ada satu sistem tertentu dalam pemberian lesen. Kita perlu bersaing antara satu sama lain," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun bersetuju dengan kenyataan Ani bahawa Tenaga Nasional tidak harus dikecam hebat sehingga ia manjejaskan imej syarikat itu kerana media asing akan sengaja menggunakan isu itu untuk memburukkan negara.

Beliau juga berkata Kabinet hari ini telah memutuskan supaya laporan mengenai kejadian bekalan elektrik terputus pada 3 Ogos lepas diumumkan kepada orang ramai.

Moggie yang mengumumkan keputusan laporan itu di sini hari ini berkata satu komponen yang rosak dalam pemutus litar 275 kV di kawasan suis Stesen Tenaga Paka telah menyebabkan terputusnya bekalan elektrik di seluruh Semenanjung.

Ketika ditanya sama ada laporan itu dapat "diterima" oleh Kabinet, Perdana Menteri berkata: "Ia adalah laporan Tenaga Nasional."

Ketika ditanya sama ada beliau secara peribadi berpuas hati dengan laporan Tenaga Nasional itu, Dr Mahathir berkata: "Itu TNB punya keputusan. Kita kena tanya orang lain juga."

Mengenai kenyataan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang hari ini supaya diadakan kertas putih mengenai dasar tenaga negara, Dr Mahathir berkata: "Warna kertas itu tidak penting. Apa yang penting ialah laporan itu."

Dr Mahathir juga berkata beliau belum menerima laporan mengenai arahan berhenti kerja di semua sembilan tapak pembinaan Sistem Transit Aliran Ringan II di Petaling Jaya dan Jalan Ampang setelah didapati mutu kerjanya rendah dan ada kesalahan dalam prosedur keselamatan.

Beliau berkata jika laporan itu benar, kerajaan berhak mengeluarkan arahan sedemikian. -- BERNAMA

ES MAI